

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 9 / 10 / 2007



● Tun Mahathir keluar ICU

KUALA LUMPUR 8 Okt. – Tahap kesihatan Tun Dr. Mahathir Mohamad yang semakin baik membolehkan beliau dipindahkan dari Unit Rawatan Rapi (ICU) ke Wad Bunga Raya di Institut Jantung Negara (IJN) di sini hari ini.

IJN dalam satu kenyataan memberitahu, doktor-doktor berpuas hati dengan proses pemulihan Dr. Mahathir yang sudah mampu berjalan tanpa bantuan sejak semalam.

Sementara itu, anak sulung Dr. Mahathir, Datin Paduka Marina dalam laman blognya, *rantingsbymm.blogspot.com*, berkata, bapanya yang menjalani pembedahan pintasan jantung sebulan lalu kini berada dalam keadaan sihat.

Beliau berkata, bekas Perdana Menteri itu memakan spageti, salad, buah-buahan dan puding tengah hari ini.

Berikutan keadaan Dr. Mahathir

UM - 9/10/2007

yang semakin baik, ibunya, Tun Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali turut meluangkan masa melawat pesakit jantung, Tee Hui Yee, 14, yang sedang menjalani rawatan di IJN.

Dr. Mahathir menjalani pembedahan pintasan jantung di IJN pada 4 September lalu.

Lapan belas hari kemudian beliau dibedah sekali lagi untuk membuang tisu luka kesan daripada pembedahan tersebut.